



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6/2018

**- KEBENARAN BEKERJA SEPARUH HARI SEHARI SEBELUM TARIKH
MENGUNDI PILIHANRAYA UMUM KE -14 BAGI STAF YANG PERLU
PULANG KE PUSAT MENGUNDI YANG JAUH DI KAMPUNG
HALAMAN**



**JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S OFFICE**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101 / 3199
Faks (Fax): 604 928 3104
Laman Web: www.uum.edu.my

"MUAFAKAT KEDAH"

Ruj. Kami : UUM/PEN/P-7/6
Tarikh : 23 April 2018

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah/Pengetua INASIS
Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 6/2018

- **KEBENARAN BEKERJA SEPARUH HARI SEHARI SEBELUM TARIKH MENGUNDI PILIHANRAYA UMUM KE-14 BAGI STAF YANG PERLU PULANG KE PUSAT MENGUNDI YANG JAUH DI KAMPUNG HALAMAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang telah Yang Berbahagia Dato'/Y. Berusaha Prof./tuan/puan sedia maklum, tarikh mengundi Pilihanraya Umum Ke-14 telah ditetapkan pada 9 Mei 2018 dan kerajaan mengisytiharkan tarikh berkenaan sebagai hari kelepasan am tambahan bagi seluruh negara. Universiti mengambil maklum bahawa ada dalam kalangan staf yang perlu pulang ke pusat mengundi yang jauh di kampung halaman bagi membuang undi.

3. Sehubungan dengan itu, Universiti membenarkan staf yang akan pulang jauh untuk mengundi dalam jarak yang munasabah, bekerja separuh hari sehingga jam 1.00 tengahari pada 8 Mei 2018. Staf bagaimanapun perlu mengisi borang Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan. Salinan borang berkenaan perlu dimajukan kepada Jabatan ini bagi tujuan perekodan.

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



4. Bagi perjalanan pulang pula, staf perlu mengambil cuti rehat sekiranya perjalanan melangkaui tarikh 10 Mei 2018 kerana ianya adalah merupakan hari bekerja.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah



(BAHARUDIN BIN YAACOB)

Pemangku Pendaftar

Universiti Utara Malaysia

s.k - Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)